



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI KETUA
MENTERI MELAKA
SEMPENA
PERASMIAN HARI SUKAN NEGARA 2021
PERINGKAT NEGERI MELAKA**

**TARIKH: 9 OKTOBER 2021 (SABTU) , MASA: 8.30 PAGI DI
KOMPLEKS DEWAN JAPERUN SERKAM, JASIN**

(WAKIL: YB DATUK WIRA MOHD RAFIQ BIN NAIZAMOHIDEEN)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, dan Salam Melakaku Maju Jaya,
Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

**YANG BERHORMAT DATO' TS. KAMEL BIN MOHAMAD,
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERUSAHA ENCIK NOORMAN BIN RAMLAN,
PENGARAH JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI
MELAKA;**

**YANG BERUSAHA ENCIK RAHIZI BIN RANOM,
PEGAWAI DAERAH JASIN;**

**SETERUSNYA, KETUA-KETUA JABATAN PERINGKAT
NEGERI DAN PERSEKUTUAN;**

YANG BERBAHAGIA DATUK-DATUK, DATIN-DATIN;

**RAKAN-RAKAN MEDIA, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN,
HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,**

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini secara maya sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) Peringkat Negeri Melaka bagi tahun 2021.

2. Pertama sekali, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka atas jemputan untuk merasmikan sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Negeri Melaka bagi tahun 2021.
3. Walaupun kita masih berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19, namun pihak kerajaan tetap melaksanakan sambutan Hari Sukan Negara (HSN) pada kali ini dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

4. Umum mengetahui, tahun 2020 sehinggalah sekarang merupakan satu keadaan yang amat sukar bagi kita semua. Cabaran rakyat Malaysia pada ketika ini dilihat amat mencabar dan getir di kala negara serta dunia masih berada dalam ancaman pandemik wabak COVID-19.

5. Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri Melaka sangat komited dalam memperhebat industri sukan di negeri ini dan Insyaa-Allah, pelbagai aktiviti sukan akan kelak dijalankan apabila sektor ini dibuka sepenuhnya nanti.

6. Kerajaan negeri melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tidak memandang pandemik ini sebagai satu titik tolak untuk masyarakat tidak bergiat aktif dan mengamalkan gaya hidup yang sihat. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk terus mempromosikan amalan gaya hidup sihat seperti bersenam, beriadah dan bersukan agar terus menjadi budaya dalam kalangan masyarakat.

7. Saya dimaklumkan, sehingga setakat hari ini, sebanyak **66.1 peratus** rakyat Malaysia telah menjadikan sukan sebagai kegiatan dalam kehidupan. Selepas ini, sasaran kita adalah untuk menjadikan negara dan negeri kita ini sebagai negara bersukan

setanding dengan mana-mana negara maju yang mempunyai peratusan rakyatnya terlibat di dalam aktiviti sukan.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

PERASMIAN HARI SUKAN NEGARA 2021
PERINGKAT NEGERI MELAKA

8. Saya sangat kagum mendengar ucapan YAB Perdana Menteri kita sebentar tadi ketika beliau merasmikan Sambutan Hari Sukan Negara 2021 Peringkat Kebangsaan. Saya yakin, kita semua juga sudah tidak sabar nak turun ke padang untuk menjalani

kehidupan yang lebih sihat dan cergas seperti sedia kala serta menceburi apa jua bidang sukan tanpa ada sebarang limitasi dengan mematuhi SOP.

9. Saya difahamkan, Hari Sukan Negara (HSN) ini merupakan program di bawah Kementerian Belia Sukan dalam mengambil pendekatan yang lebih dinamik untuk meneruskan kesinambungan program-program kecergasan melalui program ikonik iaitu *Fit Malaysia* yang telah dilancarkan pada 7 September 2014 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

10. Sebagaimana kita semua sedia maklum, Hari Sukan Negara telah diadakan setiap tahun pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober di seluruh negara. Hari Sukan Negara ini diilhamkan sebagai acara kemuncak kepada program *Fit Malaysia* dan merupakan satu hari ikonik tahunan rakyat Malaysia yang dilaksanakan secara serentak bagi meraikan dan mengiktiraf penglibatan mereka di dalam aktiviti sukan, seterusnya menjadikan ia sebagai promosi kepada pembudayaan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

11. Saya difahamkan, mekanisma yang diguna pakai untuk melaksanakan Hari Sukan Negara pada kali ini dilaksanakan di dalam skala yang lebih sederhana dan secara hibrid iaitu separa fizikal dan juga separa maya bagi sambutan tahun ini.
12. Kerajaan Negeri Melaka menyambut baik sambutan Hari Sukan Negara ini kerana ia merupakan satu langkah yang tepat dan proaktif bagi memastikan penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan dan kecergasan walaupun dalam suasana norma baharu yang memerlukan pematuhan SOP yang ditetapkan.

13. Saya menyeru kepada semua untuk sama-sama membantu kerajaan dengan mempromosikan semangat Malaysia Cergas dan melahirkan warga Negeri Melaka yang aktif di dalam mengamalkan budaya hidup sihat.
14. Saya berharap, Hari Sukan Negara pada kali ini akan dapat meningkatkan dan menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum agar terus bersatu untuk kekal aktif dan sihat ke arah pemulihan negara yang masih berhadapan dengan penularan wabak pandemik COVID-19.

15. Saya yakin, sekiranya kita kekal aktif bersukan, kita akan menjadi lebih cerdas dan cergas sekali gus mampu menghasilkan generasi warga Negeri Melaka yang hebat terutamanya dalam bidang kesukanan sehingga menggamit dunia suatu masa nanti.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

16. Akhir kata, saya sekali lagi mewakili Kerajaan Negeri Melaka merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama berganding bahu bagi memastikan Negeri Melaka menjadi negeri yang berbudaya sukan dan sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat.

17. Dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Hari Sukan Negara Peringkat Negeri Melaka bagi tahun 2021.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.